

SINONIM DALAM BAHASA MELAYU: SATU PEMERIAN SEMULA

Hasmidar Haji Hassan

Abstrak

Kajian ini dilakukan terhadap 30 kata nama yang dipilih secara rawak daripada kamus *Sinonim Antonim Melayu Utusan* (1997) sebagai sampel kajian. Sampel kemudiannya dianalisis berdasarkan pendekatan analisis komponen makna bagi membandingkan kesinoniman setiap kata berdasarkan bilangan kesamaan fitur yang dikongsi bersama. Kata yang mempunyai darjah kesinoniman yang tinggi didapati cenderung berkongsi bilangan fitur yang banyak dibandingkan dengan kata yang rendah darjah kesinonimannya. Kesinoniman setiap kata ditentusahkan pula dalam konteks ayat dengan menggunakan kaedah penggantian secara paradigmatic. Ayat-ayat yang dipilih dipastikan bervariasi dari segi konteks keperihalannya keadaannya. Analisis ini dapat menunjukkan sejauh manakah kata-kata sinonim ini mendukung pengertian yang sama dengan kata nama sampel. Yang penting, penggantian dalam ayat seperti yang tersebut telah membuktikan bahawa darjah kesinoniman setiap kata berubah-ubah mengikut ayat. Kata yang bersinonim mutlak, yakni yang mendukung pengertian yang sama dengan kata nama sampel dalam ayat A, berubah menjadi bukan sinonim, yakni tidak mendukung pengertian yang sama dengan kata nama sampel dalam ayat B. Hal ini membuktikan bahawa darjah kesinoniman kata dipengaruhi oleh konteks keperihalannya keadaan ayat yang berbeza-beza. Selain itu, kajian ini juga mendapati bahawa kata sinonim mutlak sangat terhad bilangannya dan jangkauannya. Malah terdapat kata nama yang langsung tidak mempunyai kata sinonim mutlak yang boleh bertukar ganti dengannya tanpa mengubah maksud ayat asal.

Abstract

This research has been carried out using the componential analysis to

analyse every synonym. This componential analysis is aimed at analyzing and comparing the synonym of every word according to the number of features shared. Words which have high degree of synonymy are more likely to share many features in contrast to words of low degree of synonymy. The synonym of every word then is ascertained in sentences, using the substitution method, paradigmatically. Many types of sentences have been chosen to provide various situational contexts. This analysis enables the research to reveal how far these synonyms shares meanings with the samples. Based on substitution in sentences, it is clear that the degree of synonymy for every word varies according to the sentences. Words which are absolutely synonymous in sentence A becomes non-synonymous in sentence B. This finding proves that the degree of synonymy of words is greatly influenced by the situational contexts or contextual meaning of the varied sentences. When and where a word is regarded as synonym depends on the situational context of a sentence. Besides that this research also reveals that the number of absolute synonym words are very limited in number and in scope. In fact, there are nouns which have no absolute synonym words that are interchangeable without deviating from the original meaning of the sentences.

PENDAHULUAN

Di Malaysia, perbincangan tentang sinonim dalam bahasa Melayu memang banyak dilakukan. Selain Nathesan, *Pelita Bahasa* juga suatu ketika dahulu turut memuatkan ruangan khusus bagi sinonim. Perbincangan yang diketengahkan lazimnya berkisar tentang sesuatu kata dan beberapa sinonimnya dan apakah sinonim-sinonim tersebut benar-benar mendukung pengertian dan makna yang sama, dan dapatkah ia bertukar ganti dalam ujaran dan tulisan?

Perbincangan yang dikemukakan itu cukup bermanfaat dan hasil perbincangan yang sedemikian timbul persoalan tentang apakah sinonim wujud dalam bahasa Melayu dan apakah satu pemerian semula perlu dilakukan terhadap “sinonim” itu sendiri bagi menyelesaikan persoalan ini. Yang jelas, kita perlu menerima satu daripada usul di atas dan tidak boleh meneruskan pemahaman tentang sinonim yang jelas diragui sehingga hari ini.

Definisi Sinonim

Secara umumnya, sinonim didefinisikan sebagai kata-kata yang seerti atau kata-kata yang mempunyai makna yang sama atau serupa. Menurut *Kamus*

Dewan Edisi Ketiga (1994:1287), sinonim ditakrifkan sebagai kata-kata yang sama maknanya, atau yang sama maknanya dengan kata lain, atau kata seerti.

Jackson (1988:64) pula menjelaskan bahawa istilah sinonim ini berasal daripada Greek, dan dua bahagiannya, iaitu *syn* dan *nymy* bermaksud “sama” dan “nama”. Sinonim ini menangani kesamaan makna, iaitu lebih daripada satu kata mempunyai makna yang sama atau alternatifnya satu makna dinyatakan oleh lebih daripada satu kata (nama).

Maksud sinonim ini turut dihuraikan oleh Nida (1073:98) yang menegaskan bahawa sinonim ialah kata yang maknanya bertindan dan kata seperti ini biasanya boleh bertukar ganti antara satu sama lain, sekurang-kurangnya dalam konteks tertentu; tetapi jarang, walaupun ada, dua kata boleh bertukar ganti dalam sebarang atau semua konteks.

Dalam hal ini, Lyons menegaskan bahawa yang penting tentang sinonim ialah identiti makna (yakni mempunyai idea yang sama) dan bukannya yang hampir-hampir sama maknanya (1996: 447).

Huraian yang diberikan seperti di atas membolehkan satu kesimpulan yang lebih jelas dapat dibuat, iaitu sinonim bermaksud kesamaan makna. Dua atau lebih daripada dua kata yang mempunyai makna yang sama dalam sesuatu bahasa dan bersifat saling bertukar ganti dalam ujaran mahupun penulisan dalam semua konteks dan keadaan tersebut dianggap sebagai sinonim. Konsep sinonim ini jugalah yang seharusnya menjadi landasan pemahaman setiap pengguna bahasa Melayu, khususnya dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah.

Memandangkan definisi sinonim ini begitu jelas malah diketahui umum sejak sekian lama maka pemahaman dan pengajaran tentang “sinonim” tidak seharusnya bertentangan dengan definisinya. Namun Anuar Ahmad, misalnya dalam ruangan Bahasa Melayu Kertas 1 - Sinonim (Didik dlm. *Berita Harian*, Bil. 574:27 Mac-2 April 2006) memberikan maksud sinonim sebagai “perkataan-perkataan yang hampir atau sama ertinya dengan kata lain”. Kata hampir itu perlu diberikan perhatian kerana yang dijelaskan sebelum ini bahawa “sinonim” ialah kata-kata yang sama maknanya, bukannya yang hampir-hampir sama maknanya (Lyons, 1996: 447).

Hakikat bahawa definisi sinonim ini menimbulkan persoalan disedari, dan nyata sekali persoalan ini perlu diselesaikan dengan cara memerikan semula definisi sinonim berdasarkan konteks penggunaannya dalam ayat yang pelbagai.

Syarat Sinonim

Kajian tentang kesinoniman, khususnya di Barat memang banyak dilakukan dan telah sekian lama dilakukan, antaranya oleh Tondl (1966), Baldinger (1970), Nida (1973), Palmer (1976), Lyons (1981) dan Jackson (1988). Kesemuanya telah cuba menentusahkan kesinoniman dan membuat kesimpulan tentang sinonim atau dikenali sebagai syarat sinonim.

Menurut Lyons misalnya, kebanyakan ungkapan yang tersenarai sebagai sinonim di dalam kamus umum atau kamus khusus termasuk kamus-kamus sinonim dan antonim merupakan sinonim terdekat; ia meliputi ungkapan yang lebih kurang sama, tetapi berlainan identiti dari segi makna. Sinonim terdekat tidak harus dikelirukan dengan sinonim separa yang memenuhi kriteria makna yang identikal (Lyons, 1994:37, terjemahan Zahrah Abd. Ghafur).

Beliau mengetengahkan beberapa syarat yang dapat dijadikan panduan untuk membezakan sinonimi mutlak dengan sinonimi separa. Dua atau lebih ujaran dikatakan bersinonimi mutlak jika dan hanya jika, ujaran tersebut memenuhi tiga syarat yang berikut:

- (1) a. sinonim itu bersinonim penuh, jika dan hanya jika, kesemua maknanya sama;
- b. sinonim itu bersinonim secara keseluruhan, jika dan hanya jika pasangan itu bersinonim dalam semua keadaan dan konteks; dan
- c. sinonim itu bersinonim secara lengkap jika dan hanya jika, pasangan itu bersinonim bagi kesemua dimensi makna (yang relevan).

(Lyons, 1994:38).

Mengikut takrifan Lyons (1994:37–42), sinonim mutlak ialah ungkapan yang bersinonim secara penuh, keseluruhan, dan lengkap manakala sinonim separa ialah sinonim, tetapi tidak secara mutlak. Namun yang menjadi isu bagi sinonimi mutlak ini ialah jangkauan kolokasi sesuatu ungkapan; set konteks yang membolehkannya hadir. Jangkauan kolokasi bagi sesuatu ungkapan itu pula ditentukan oleh maknanya.¹

Hal yang sama diyakini wujud dalam bahasa Melayu. Sinonim dalam bahasa Melayu yang tersenarai di dalam kamus umum mahupun kamus

1 Lihat juga Tondl (1966), Baldinger (1970) dan Palmer (1976) bagi kajian awal tentang sinonim.

sinonim juga merupakan sinonim terdekat dan sinonim separa dan bukannya sinonim mutlak seperti yang disyaratkan oleh Lyons (1a–1c).

Bagaimanapun, kemungkinan wujud sinonim dalam bahasa Melayu tidak juga disangkal sama sekali. Misalnya, sinonim yang terdiri daripada perkataan yang dipinjam daripada bahasa asing, perkataan yang berasal daripada dialek yang berbeza dan juga sinonim yang wujud akibat gaya bahasa yang berbeza. Sinonim yang sebegini mengkonsepsikan makna rujukan yang sama pada akal manusia, seerti dan sama makna, namun kesinoniman antara perkataan ini masih lagi terhad kerana perkataan-perkataan ini tidak pula boleh bertukar ganti dalam semua konteks dan keadaan ayat, dan terbatas menurut kolokasi ayat.

Bagi meleraikan kekeliruan tentang sinonimi dalam bahasa Melayu khususnya, maka disarankan “sinonim” perlu didefinisikan berdasarkan komponen makna yang didukung oleh setiap sinonim dan mengikut konteks penggunaannya. Dengan ini, sinonim akan dapat dikelaskan mengikut jenisnya berdasarkan konteks ayat tersebut.

PAPARAN ANALISIS SINONIM BAHASA MELAYU

Pada asalnya sebanyak 30 kata nama yang mempunyai lima sinonim telah dipilih sebagai sampel kajian, namun untuk tujuan paparan dalam makalah ini, maka hanya dua contoh kata nama daripada senarai Kamus Sinonim dan *Antonim Melayu Utusan* (KSAMU) (1997) diketengahkan.

Langkah pertama yang perlu dilakukan bagi menentukan kesinoniman kata-kata yang menjadi sinonim kata nama sampel adalah untuk menganalisis komponen makna setiap satunya mengikut pengelasan komponen semantik Nida (1996) seperti yang berikut:

- (2) a. komponen umum;
- b. komponen diagnostik, iaitu fitur yang membezakan makna daripada sebarang set; dan
- c. komponen tambahan, iaitu fitur tambahan yang selalunya bercorak konotatif yang menjadi penting untuk memerikan kesemua aspek makna tetapi mungkin secara tepatnya tidak diperlukan untuk membezakan set makna yang tertentu.

Dalam rajah analisis komponen makna, fitur makna yang dikongsi bersama oleh kesemua kata merupakan fitur umum, dan biasanya terdiri

daripada fitur baris pertama hingga ketiga atau keempat. Ini diikuti dengan beberapa baris yang terdiri daripada fitur diagnostik dan fitur tambahan.

Komponen makna yang didukung oleh kata nama sampel dan setiap sinonimnya diperoleh daripada makna kamus yang merujuk *Kamus Dewan Edisi Ketiga* (1994).

Yang berikutnya ialah analisis bagi kata nama *peluang* dan sinonimnya.

- Berdasarkan KSAMU (1997:168), kata nama sampel *peluang* bersinonim dengan *faedah*, *kebaikan*, *kesempatan*, *rezeki* dan *untung*.

Makna kamus (*Kamus Dewan*, 1994:1002) bagi kata nama sampel *peluang* dan sinonimnya adalah seperti yang berikut:

- peluang - i. kelapangan, kesempatan.
- faedah - i. guna, manfaat; dan
- ii. bayaran yang dikenakan atas pinjaman atau kredit
- kebaikan - i. perbuatan baik;
- ii. sifat baik; dan
- iii. faedah.
- kesempatan - i. peluang untuk, waktu yang terluang untuk.
- rezeki - i. bahan keperluan untuk hidup, makanan sehari hari, nafkah;
- ii. pendapatan, penghasilan, pencarian; dan
- iii. peluang untuk beroleh makanan dan lain-lain, keuntungan, perolehan.
- untung - i. apa yang telah ditentukan (oleh Yang Maha Kuasa) akan berlaku ke atas seseorang;
- ii. tidak sial (celaka) bernasib baik, mujur;
- iii. keuntungan hasil pendapatan atau perolehan daripada sesuatu kegiatan (perusahaan, perniagaan dan lain-lain); dan
- iv. faedah, guna, manfaat.

Komponen-komponen makna bagi kata nama *peluang* dan sinonimnya pula adalah seperti yang berikut:

Sinonim Komponen Makna	peluang	kesempatan	rezeki	faedah	untung	kebaikan
Kata nama am tak hidup	+	+	+	+	+	+
Kata nama am abstrak	+	+	+	+	+	+
Kelapangan,	+	+	-	-	-	-
Kesempatan	+	+	-	-	-	-
Manfaat	-	-	-	+	+	+
Bayaran yang dikenakan atas pinjaman	-	-	-	+	-	-
Pendapatan	-	-	+	-	+	-
Keuntungan hasil kegiatan perusahaan	-	-	+	-	+	-
Waktu yang terluang	-	+	-	-	-	-
Peluang untuk beroleh makanan	-	-	+	-	-	-
Ketentuan oleh Yang Maha Kuasa atas seseorang	-	-	+	-	-	-
Keperluan untuk hidup	-	-	+	-	-	-
Bernasib baik	-	-	-	-	+	-
Perbuatan baik	-	-	-	-	-	+

Rajah di atas menunjukkan kata *kesempatan*, *rezeki*, *faedah*, *untung*, dan *kebaikan* berkongsi dua fitur umum yang sama dengan kata nama sampel *peluang*, iaitu [+ Kata nama am tak hidup] dan [+ Kata nama am abstrak]. Maka, kesemua kata ini ternyata bersinonim dengan kata *peluang* pada tahap yang umumnya seperti yang tersebut dalam KSAMU (1997). Seterusnya, jika ditinjau pada fitur-fitur diagnostik pula, didapati kata *kesempatan* lebih bersinonim dengan kata nama sampel *peluang* daripada kata-kata lain kerana ia berkongsi lebih banyak fitur diagnostik yang dimiliki kata nama *peluang*, iaitu [+Kelapangan] dan [+Kesempatan]. Kata *rezeki*, *faedah*, *untung*, dan *kebaikan* langsung tidak mendukung mana-mana fitur diagnostik kata nama sampel *peluang*.

Seterusnya perhatikan pula analisis bagi kata nama sampel *penyakit* dan sinonimnya.

- Kata nama sampel *penyakit* (KSAMU:170) bersinonim dengan *hidapan*, *infeksi*, *jangkitan*, *serangan* dan *wabak*.

Makna kamus (*Kamus Dewan*, 1994:1171) bagi kata nama sampel *penyakit* dan sinonimnya adalah seperti yang berikut:

- a. *penyakit*
 - i. sesuatu yang menyebabkan badan menjadi sakit atau yang mengganggu kesihatan;
 - ii. sesuatu yang menyebabkan keburukan, kepincangan hidup dan lain-lain yang merebak.
- b. *hidapan*
 - i. perihal dihidapi sesuatu jenis penyakit ; dan
 - ii. penyakit yang lama dihidapi dan sukar sembuh.
- c. *infeksi*
 - i. kena kuman penyakit, dijangkiti oleh penyakit, jangkitan.
- d. *serangan*
 - i. perbuatan menyerang (melanggar, menyerbu, merosakkan dan lain-lain);
 - ii. kecaman keras secara lisan atau bertulis.
- e. *jangkitan*
 - i. kejadian (penyakit dan sebagainya) berjangkit.
- f. *wabak*
 - i. penyakit menular (berjangkit) yang merebak;
 - ii. kejadian atau perbuatan buruk (penagihan dadah, perbuatan jenayah dan lain-lain) yang merebak ke merata tempat.

Analisis komponen makna bagi kata nama *penyakit* dan sinonimnya adalah seperti yang berikut:

Sinonim Komponen Makna	penyakit	hidapan	jangkitan	infeksi	wabak	serangan
Kata nama am tak hidup	+	+	+	+	+	+
Kata nama am abstrak	+	+	+	+	+	+
Sesuatu yang menyebabkan kepincangan hidup	+	+	+	+	+	+
Sesuatu yang menyebabkan badan menjadi sakit	+	+	+	+	+	-
Penyakit berjangkit yang merebak	+	+ / -	+	+	+	-
Dijangkiti kuman penyakit	+	+	+	+	-	-
Penyakit yang lama dihidapi dan sukar sembuh	+	+	-	-	-	-
Perihal dihidapi sesuatu jenis penyakit	-	+	+	+	-	-
Perbuatan menyerang	-	-	-	-	-	+

sambungan jadual

Sinonim Komponen Makna	penyakit	hidapan	jangkitan	infeksi	wabak	serangan
Kecaman keras secara lisan atau bertulis	-	-	-	-	-	+
Perbuatan buruk yang merebak ke merata tempat	-	-	-	-	+	-

Dalam rajah di atas, diperhatikan bahawa kata *penyakit*, *wabak*, *hidapan*, *jangkitan*, *infeksi* dan *serangan* berkongsi tiga fitur makna umum yang sama, iaitu [+ Kata nama am tak hidup], [+ Kata nama am abstrak] dan [+ Sesuatu yang menyebabkan kepincangan hidup]. Maka, kesemua kata ini dapat dikatakan bersinonim dengan kata *penyakit* pada tahap yang umumnya seperti yang tersenarai dalam KSAMU (1997). Bagaimanapun, apabila dilihat pada fitur diagnostik kata nama sampel *penyakit* pula, didapati kata *hidapan*, *jangkitan* dan *infeksi* lebih bersinonim dengan kata nama *penyakit*. Hal ini kerana kata-kata ini masing-masing berkongsi tiga fitur diagnostik yang sama dengan kata *penyakit*. Kata *hidapan*, didapati berkongsi fitur diagnostik [+ Sesuatu yang menyebabkan badan menjadi sakit], [+ Dijangkiti kuman penyakit] dan [+ Penyakit yang lama dihidapi dan sukar sembuh] manakala kata *jangkitan* dan *infeksi* pula berkongsi fitur diagnostik [+ Sesuatu yang menyebabkan badan menjadi sakit], [+ Penyakit berjangkit yang merebak] dan [+ Dijangkiti kuman penyakit]. Kata *wabak* hanya berkongsi dua fitur diagnostik yang sama dengan kata *penyakit* manakala kata *serangan* langsung tidak mendukung mana-mana fitur diagnostik kata *penyakit*. Hal ini menjadikan kata *wabak* dan *serangan* kurang bersinonim dengan kata *penyakit*.


Daripada rajah di atas juga, kelihatan wujud satu corak kecenderungan kesinoniman antara kata tersebut. Fitur-fitur makna bagi kata-kata yang lebih bersinonim dengan kata nama sampel *penyakit* cenderung berada atau menghalu ke kiri rajah dengan bilangan plus (+) yang banyak, manakala fitur-fitur makna kata yang kurang bersinonim cenderung berada atau menghalu ke kanan rajah dengan bilangan plus (+) yang semakin berkurang. Banyaknya bilangan plus (+) menunjukkan banyaknya kesamaan fitur makna yang dikongsi bersama oleh kata-kata tersebut, kurangnya bilangan plus (+) menunjukkan kurangnya kesamaan fitur makna yang dikongsi bersama oleh kata-kata tersebut.

Analisis kata-kata sinonim di atas menunjukkan kesinoniman sesuatu

kata itu dapat ditentukan oleh komponen-komponen makna yang diperturunkan dalam setiap rajah di atas. Tinggi atau rendahnya darjah kesinoniman sesuatu kata dapat ditentukan oleh bilangan kesamaan fitur umum dan fitur diagnostik yang dikongsi bersama oleh kata-kata tersebut.

Pada tahap yang paling umum, kedua-dua kata dalam analisis (lihat rajah analisis komponen bagi setiap kata sampel) kelihatan cenderung bersinonim dengan kata nama *peluang* dan *penyakit*. Namun, bilangan kesamaan fitur umum yang dikongsi bersama, yang menjadi penentu kesinoniman pada tahap yang umum ini ternyata berbeza-beza daripada satu sampel kepada satu sampel.

Skop kesinoniman kata berdasarkan fitur-fitur yang dikongsi bersama berdasarkan analisis komponen dapat dilihat dengan lebih jelas berdasarkan rajah di bawah. Rajah ini dapat memperlihatkan satu corak kecenderungan kesinoniman yang cukup jelas berdasarkan bilangan fitur yang dikongsi oleh setiap kata. Idealnya, fitur-fitur makna yang dikongsi oleh kata yang lebih bersinonim dengan kata nama sampel cenderung menghala ke kiri rajah dengan bilangan plus (+) yang banyak manakala fitur-fitur bagi kata yang kurang bersinonim dengan kata nama sampel cenderung menghala ke kanan rajah dengan bilangan plus (+) yang semakin berkurang. Contohnya, lihat rajah yang berikut:



Rajah Kecenderungan kesinoniman kata.

Kecenderungan Kesinoniman Kata Berdasarkan Analisis Komponen Makna

Berdasarkan rajah kecenderungan kesinoniman kata di atas, paksi X menunjukkan susunan fitur makna (fitur makna umum, fitur diagnostik dan fitur tambahan) manakala paksi Y ialah susunan kata sinonimnya.

Walau bagaimanapun, kesinoniman kata-kata yang ditunjukkan dalam rajah tidak dapat dianggap mutlak lagi kerana kesinoniman kata-kata ini juga harus diambil kira dalam konteks penggunaan yang melibatkan faktor keperihalan keadaan dan kolokasi ayat tersebut.

Analisis Sinonim Berdasarkan Konteks

Kesinoniman kata-kata sinonim bagi *peluang* dan *penyakit* kemudiannya ditentusahkan pula dalam ayat-ayat BM. Penggantian kata-kata ini secara paradigmatic dengan kata nama sampel dalam ayat-ayat di bawah dapat memperlihatkan sejauh manakah kata-kata ini mendukung pengertian yang sama dengan kata nama sampel dalam pelbagai dimensi makna, dan apakah kata-kata ini **bersinonim mutlak**, **bersinonim separa** atau **bukan sinonim** dengan kata nama sampel dalam ayat-ayat tersebut?

Perhatikan kesinoniman kata-kata yang berikut dalam ayat-ayat bahasa Melayu yang berbeza-beza:

- Kata nama sampel *peluang* (KSAMU: 168) bersinonim dengan *faedah*, *kebaikan*, *kesempatan*, *rezeki* dan *untung*.

Kata *kesempatan*, *rezeki*, *faedah*, *untung*, dan *kebaikan* seterusnya ditentusahkan dalam ayat-ayat yang berbeza-beza dari segi keperihalan keadaannya.

(1) Sinonim Mutlak: *peluang* = *kesempatan*.

- Bagi yang tidak berani menunggang burung unta, pengunjung diberi $\left[\begin{array}{l} \textit{peluang} \\ \textit{kesempatan} \end{array} \right]$ mendekati burung ini dan memberi makan jagung.
- Dari segi interaksi sosial, khususnya antara etnik, konsep sekolah wawasan memberi $\left[\begin{array}{l} \textit{peluang} \\ \textit{kesempatan} \end{array} \right]$ kepada murid berbilang kaum

bergaul dan membesar dalam suasana yang kaya dengan kepelbagaian.

- c. Ada kegilaan pelarian yang menyusup masuk dan menghuni di dalamnya.

Di setiap lorong kesempatan, mereka hadir merebut

[peluang.
Kesempatan.]

- (2) Sinonim Separa: *peluang* ~ *kesempatan*, ~*faedah*, ~*kebaikan*, ~*rezeki* dan ~*untung*.

- a. Dari segi interaksi sosial, khususnya antara etnik, konsep sekolah wawasan memberi [peluang
~faedah
~kebaikan] kepada murid berbilang kaum

bergaul dan membesar dalam suasana yang kaya dengan kepelbagaian.

- b. Ada kegilaan pelarian yang menyusup masuk dan menghuni di dalamnya. Di setiap lorong kesempatan, mereka hadir merebut

[peluang.
~faedah.
~kebaikan.
~rezeki.]

- c. “Aku berikan kamu tiga [peluang,
~kesempatan,] pertama kami tidak melarang

kamu memasuki masjid Allah untuk bersembahyang dan berzikir, kedua kami tidak akan memulakan peperangan, yang ketiga kami tidak menghalang kamu kembali ke pangkal jalan” (al-Baihaqi).

- (3) Bukan Sinonim: *peluang* * *faedah*, **kebaikan*, * *rezeki* dan **untung*.

- a. Bagi yang tidak berani menunggang burung unta, pengunjung diberi

[peluang
*faedah
*kebaikan
*rezeki
*untung] mendekati burung ini dan memberi makan jagung.

- b. “Aku berikan kamu tiga $\left[\begin{array}{c} \textit{peluang} \\ \textit{*faedah} \\ \textit{*kebaikan} \\ \textit{*rezeki} \\ \textit{*untung} \end{array} \right]$ pertama kami tidak melarang kamu memasuki masjid Allah untuk bersembahyang dan berzikir, kedua kami tidak akan memulai peperangan, yang ketiga kami tidak menghalang kamu kembali ke pangkal jalan” (al-Baihaqi).
- c. Dari segi interaksi sosial, khususnya antara etnik, konsep sekolah wawasan memberi $\left[\begin{array}{c} \textit{peluang} \\ \textit{*rezeki} \\ \textit{*untung} \end{array} \right]$ kepada murid berbilang kaum bergaul dan membesar dalam suasana yang kaya dengan kepelbagaian.
- d. Ada kegilaan pelarian yang menyusup masuk dan menghuni di dalamnya. Di setiap lorong kesempatan, mereka hadir merebut $\left[\begin{array}{c} \textit{peluang.} \\ \textit{*untung.} \end{array} \right]$

Darjah kesinoniman kata *kesempatan*, *rezeki*, *faedah*, *untung*, *kebaikan* dan *rezeki* ternyata berubah-ubah dalam ayat-ayat di atas. Dalam ayat 1 (a) hingga 1 (c), kata yang bersinonim secara mutlak dengan kata nama sampel *peluang* hanyalah kata *kesempatan*. Hal ini jelas kerana kata *kesempatan* boleh bertukar ganti dengan kata nama sampel peluang tanpa mengubah maksud ayat tersebut.

Bagi ayat 2 (a) pula, kata yang bersinonim secara separa dengan kata nama sampel *peluang* ialah kata *faedah* dan *kebaikan*, manakala dalam 2 (b), sinonim separa ialah *faedah*, *kebaikan* dan *rezeki*, dan dalam 2 (c) pula, ialah kata *kesempatan*.

Bagi ayat-ayat dalam 3 (a) dan 3 (b), kata yang tidak bersinonim dengan kata nama sampel *peluang* ialah kata *faedah*, *kebaikan*, *rezeki* dan *untung*. Bagi 3 (c) pula ialah kata *rezeki* dan *untung* manakala dalam 3 (d) bukan sinonim ialah kata *untung* sahaja.

Kata *kesempatan*, *rezeki*, *faedah*, *untung*, dan *kebaikan* ternyata tidak mendukung pengertian yang sama dengan kata *peluang* dalam semua konteks ayat. Konteks keperihaluan keadaan ayat ternyata mempengaruhi darjah kesinoniman kata-kata itu. Konteks ayat yang berbeza-beza antara

satu ayat dengan ayat lain menyebabkan sinonim separa, contohnya *faedah* dan *kebaikan* dalam ayat 2 (a) dan 2 (b) berubah menjadi bukan sinonim dalam ayat 3 (a) dan 3 (b). Kolokasi juga turut mempengaruhi darjah kesinoniman kata kerana kolokasi membataskan kata yang boleh hadir bersama dengan kata lain secara berhubungungan dalam ayat. Kolokasi menyebabkan kata *kesempatan*, *rezeki*, *faedah*, *untung*, *kebaikan* dan *rezeki* dalam ayat (3) misalnya, digolongkan sebagai bukan sinonim kerana kata-kata itu tidak dibolehkan menggantikan kata nama sampel *peluang* dalam ayat-ayat tersebut kerana faktor kolokasi.

Perhatikan kesinoniman kata-kata berikut pula:

- Kata nama sampel *penyakit* (KSAMU:170) bersinonim dengan *hidapan*, *infeksi*, *jangkitan*, *serangan* dan *wabak*.

Kesinoniman kata *hidapan*, *infeksi*, *jangkitan*, *serangan* dan *wabak* juga ditentusahkan dalam ayat-ayat yang berbeza-beza dari segi konteks keperihalannya. Penentusahan ini bertujuan memastikan sejauh manakah kata *hidapan*, *infeksi*, *jangkitan*, *serangan* dan *wabak* bersinonim dengan kata nama sampel *penyakit* apabila ditukargantikan dalam ayat yang pelbagai dimensi maknanya. Kata-kata sinonim ini seterusnya ditentukan sama ada bersinonim mutlak, bersinonim separa atau bukan sinonim.

(4) Sinonim Mutlak: *penyakit* = *wabak*, *serangan* dan *jangkitan*

a. Sekiranya $\left[\begin{array}{l} \textit{penyakit} \\ \textit{wabak} \\ \textit{jangkitan} \\ \textit{hidapan} \\ \textit{infeksi} \end{array} \right]$ disebabkan virus, jangka masa untuk sembuh adalah sama walaupun pesakit mengambil antibiotik.

b. Pada abad yang serba maju ini, pelbagai $\left[\begin{array}{l} \textit{penyakit} \\ \textit{wabak} \\ \textit{jangkitan} \end{array} \right]$ dalam

masyarakat turut muncul dan kadangkalanya mencapai tahap yang membimbangkan.

c. $\left[\begin{array}{l} \textit{Penyakit} \\ \textit{Serangan} \end{array} \right]$ asma merupakan masalah kesihatan sejagat dan dikategorikan sebagai salah satu penyakit kronik.

d. Di rancangan FELDA, $\left[\textit{penyakit} \right]$ osial mula merebak sejak awal

wabak 1970-an, sejajar dengan kebanjiran budaya kuning yang dikembangkan oleh budaya hiipi yang dieksport ke Malaysia.

(5) Sinonim Separa: *penyakit* ~ *hidapan* dan ~*infeksi*

a. Pada abad yang serba maju ini, pelbagai $\left[\begin{array}{c} \textit{penyakit} \\ \sim\textit{infeksi} \\ \sim\textit{hidapan} \end{array} \right]$ dalam

masyarakat turut muncul dan kadangkalanya mencapai tahap yang membimbangkan.

b. $\left[\begin{array}{c} \textit{Penyakit} \\ \sim\textit{Hidapan} \end{array} \right]$ asma merupakan masalah kesihatan sejagat dan dikategorikan sebagai salah satu penyakit kronik.

(6) Bukan Sinonim: *penyakit* **serangan*, **infeksi*, **jangkitan*, dan **hidapan*.

a. Di rancangan Felda, $\left[\begin{array}{c} \textit{penyakit} \\ * \textit{hidapan} \\ * \textit{jangkitan} \\ * \textit{serangan} \\ * \textit{infeksi} \end{array} \right]$ sosial mula merebak sejak awal

1970-an, sejajar dengan kebanjiran budaya kuning yang dikembangkan oleh budaya hiipi yang dieksport ke Malaysia.

b. Sekiranya $\left[\begin{array}{c} \textit{penyakit} \\ * \textit{serangan} \end{array} \right]$ disebabkan virus, jangka masa untuk sembuh adalah sama walaupun pesakit mengambil antibiotik.

c. Pada abad yang serba maju ini, pelbagai $\left[\begin{array}{c} \textit{penyakit} \\ * \textit{serangan} \end{array} \right]$ dalam

masyarakat turut muncul dan kadangkalanya mencapai tahap yang membimbangkan.

d. $\left[\begin{array}{c} \textit{Penyakit} \\ * \textit{Hidapan} \end{array} \right]$ asma merupakan masalah kesihatan sejagat dan dikategorikan sebagai salah satu penyakit kronik.

Kata *wabak*, *hidapan*, *jangkitan*, *infeksi* dan *serangan* ternyata tidak mendukung pengertian yang sama dengan kata nama sampel *penyakit* dalam semua konteks makna. Berdasarkan penggantian dalam ayat di atas, didapati dalam 4 (a) sinonim mutlak ialah kata *wabak*, *jangkitan*, *hidapan* dan *infeksi*

dan dalam 4 (b) ialah kata *wabak* dan *jangkitan*. Dalam 4 (c) pula, sinonim mutlak ialah kata *serangan* manakala dalam 4 (d), sinonim mutlak ialah kata *wabak*.

Bagi ayat 5 (a), sinonim separa bagi kata nama sampel *penyakit* ialah *infeksi* dan *hidapan* manakala dalam 5 (b) sinonim separanya hanyalah kata *hidapan*. Bagi 6 (a), bukan sinonim ialah *hidapan*, *jangkitan*, *infeksi* dan *serangan*, manakala dalam 6 (b) dan 6 (c) pula bukan sinonim ialah *serangan*, dan dalam 6 (d), bukan sinonim ialah *hidapan*.

Kesinoniman kata *wabak*, *hidapan*, *jangkitan*, *infeksi* dan *serangan* didapati berubah-ubah mengikut ayat. Hal ini sedemikian kerana konteks keperihalan keadaan dan kolokasi ayat mempengaruhi kata-kata tersebut. Kata *serangan* misalnya bersinonim mutlak dalam ayat 4 (c) tetapi berubah menjadi bukan sinonim dalam 6 (b).

Ternyata kata-kata ini yang digolongkan sebagai sinonim dalam KSAMU tidak mendukung pengertian yang sama dengan kata *penyakit* dalam semua dimensi makna dan kebolehgantian dalam ayat juga terhad. Selain konteks keperihalan keadaan yang mengekang penggantian sesuatu kata dalam ayat, kolokasi juga turut membataskan kata-kata yang boleh hadir secara berhubung dengan kata-kata lain dalam ayat-ayat di atas. Kolokasi menyebabkan kata bukan sinonim tidak dapat menggantikan kata nama sampel *penyakit* dalam ayat 6 (a), 6 (b), 6 (c) dan 6 (d). Jika berlaku penggantian dalam ayat ini, maka ayat yang terhasil menjadi tidak gramatis.

KESIMPULAN

Pengesahan kesinoniman dalam ayat-ayat di atas menunjukkan darjah kesinoniman setiap kata sinonim tersebut berubah-ubah mengikut ayat. Setiap kata sinonim tersebut ternyata tidak mendukung pengertian yang sama dengan kata nama sampel dalam semua dimensi makna. Misalnya, kata yang bersinonim mutlak dalam ayat X berubah menjadi bukan sinonim dalam ayat-ayat Y dan Z. Hal ini kelihatan demikian kerana konteks keperihalan keadaan ayat yang berbeza-beza mempengaruhi kesesuaian dan kebolehan kata-kata ini bertukar ganti dengan kata nama sampel. Selain konteks keperihalan keadaan, kolokasi turut membataskan kata yang boleh hadir dalam ayat untuk menggantikan kata nama sampel dalam ayat asal.

Penggantian kata-kata sinonim ini secara paradigmatic dalam ayat juga membuktikan bahawa bilangan kata sinonim mutlak (yang mendukung pengertian yang sama dengan kata nama sampel) sangat terhad. Sinonim mutlak dalam kajian ini didapati terbatas dalam ayat-ayat tertentu sahaja

dan tidak bersinonim mutlak dalam kesemua ayat yang berbeza-beza dimensi maknanya.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan dan Ainon Mohd., 1997. *Kamus Sinonim Antonim Melayu Utusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Asiah Idris, 1990. "Serupa tetapi Berbeza" dlm. *Pelita Bahasa*. 2: 4 (1)
- Baldinger, Kurt, 1980. *Semantic Theory: Towards a Modern Semantics*. Diterjemah oleh William C. Brown. Oxford: Basil Blackwell.
- Bendix, Edward Herman, 1966. *Componential Analysis of General Vocabulary: the Semantic Structure of a Set of Verbs in English, Hindi, and Japanese*. IJAL 32, No. 2, Bhg. 2 (Publication 41 of Indiana University Research Centre in Anthropology, Folklore and Linguistics.)
- Bolinger, Dwight, 1975. *Aspects of Language. Second Edition*. USA: Harcourt Brace Jovanovich.
- Didik dalam *Berita Harian* dlm. <http://www.bharian.com.my/websekolah/Didik/> diakses pada 2 April 2006.
- Dixon, R.M., 1971. "A Method of semantic Description" dlm . Steinberg, Danny D. dan Jakobovits, Leon A. (ed.), *Semantics*, hlm. 436–71. Cambridge: The University Press.
- Fillmore, Charles J. dan D. Terence Langendeon (ed.), 1971. *Studies in Linguistic Semantics*. New York: Holt, Rinehart & Winston.
- Firth, J.R., 1964. *Papers in Linguistics 1934–1951*. Oxford: Oxford University Press.
- George, F.H., 1964. *Semantics*. London: The English Universities Press Ltd.
- Higginbotham, James, 1987. "On semantics" dlm. Lepore, Ernest (ed.), *New Directions in Semantics*. London: Academic Press, hlm.1–54, 1987.
- Jackendoff, Ray, 1993. *Semantic Structures*. Massachusetts: The MIT Press.
- Jackson, Howard, 1988. *Words and Their Meaning*. London: Longman.
- Jorge A. Suárez, "A Case of Absolute Synonyms" dlm. *International Journal of American Linguistics*. Jilid 37, hlm.192–195, 1971.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga*. 1994. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Katz, Jerold J. dan Jerry A. Fodor, 1963. "The Structure of A Semantic Theory" dlm. Bernard Bloch (ed.), *Language Journal of Linguistic Society of America Weaver Press Inc*.
- Katz, Jerold J., 1987. "Common Sense in Semantics" dlm. Lepore, Ernest (ed.), *New Directions in Semantics*. London: Academic Press, hlm. 157–233, 1987.
- Kempson, R.M., 1991. *Semantic Theory*. Diterjemah oleh Zaiton Ab. Rahman. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lehrer, Adriene, 1974. *Semantic Fields and Lexical Structure*. Amsterdam: North Holland Publishing Company.

- Lehrer, K. & Lehrer, A. (ed.), 1970. *Theory of Meaning*. New York: Prentice-Hall.
- Lyons, John. 1994. *Language, Meaning and Context*. Diterjemah oleh Zahrah Abd. Ghafur. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lyons, John, 1995. *Linguistic Semantics: An Introduction*. Cambridge, New York, & Melbourne: University of Cambridge.
- Mashudi Hj. Kader dan Low Bee Eng, "Pandangan dan Penyelesaian Penterjemahan Kata Namaan", dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*. 37:7, hlm. 603–611, 1993.
- Nathesan, S., 2001. *Makna dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nida, E.A., 1973. *Componential Analysis of Meaning: An Introduction of Semantic Structures*. New York: Mouton Publishers.
- Nida, E.A., 1996. *Menerokai Struktur Semantik*. Diterjemah oleh Mashudi Kader. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim *et al.*, 1997. *Tatabahasa Dewan Edisi Baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Palmer, F.R., 1989. *Semantic*. Diterjemah oleh Abdullah Hassan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Peterson, H. Thomas, "Semantic Structure" dlm. *International Journal of American Linguistics*. Jilid.19, hlm. 79–114, 1983.
- Ramli Md Salleh *et al.*, 1997. *Kamus Linguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ravin, Yael, 1992. "Synonymy from a Computational Point of View" dlm. Lehrer, Adrienne and Kittay, E. Feder (ed.) *Frames, Fields and Contrasts. New Essays in Semantics and Lexical Organisation*. New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates. Inc., Publishers hlm. 397–417.
- Ullmann, S., 1962. *Semantics*. Oxford: Blackwell; New York: Barnes & Noble.
- Ullmann, S., 1962. *Semantics: Introduction to the Science of Meaning*. New York: Barnes & Noble.
- Tondl, Ladislav, 1996. *Problems of Semantics*. Holland: D. Reidel Publishing Company.